

KAUM BURUH LOMBONG CINA DI PERAK PADA ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI MALAYA 1929-1933.

Syed Noor Syed Abdullah
Suntingan: Lim Teck Ghee

[Kedudukan industri timah di Perak amat dipengaruhi oleh pergolakan suasana ekonomi di pasaran dunia. Zaman meleset dunia 1929-33 telah mengakibatkan kejatuhan harga dan semakin berkurangnya permintaan bijih timah. Ini menyebabkan kemerosotan industri timah dan mengakibatkan berbagai masalah lain. Pihak majikan terpaksa berhadapan dengan krisis kewangan dan masalah hutang. Keadaan ini memaksa mereka bertindak memotong gaji kaum buruh, di samping mengurangkan saiz tenaga buruh di lombong mereka bagi mengurangkan kos pengeluaran.

Kerajaan bertindak menghantar pulang kaum buruh Cina yang uzur dan tidak mempunyai prospek pekerjaan lagi di negara ini yang dianggap akan membebankan kerajaan sahaja. Untuk mengukuhkan pengawasan kerajaan terhadap buruh dan mengelakkan keadaan pengangguran menjadi bertambah buruk. Akta Pengawalan Imigrasi dikenakan khusus terhadap buruh dan masyarakat Cina.

Historically, the tin industry in Perak has been highly influenced by economic fluctuations in the world market. The World Depression from 1929-1933 caused a great fall in prices and a decline in the demand for tin. This led to the weakening of the industry which caused other problems. Management was faced with financial crises and debts which forced them to cut the wages of labourers, apart from retrenchment to reduce production costs.

As part of its response, Government deported old Chinese labourers who had no prospects of gaining employment and were regarded as a burden to the state. To further strengthen control over the labour force in order to check increasing unemployment, the Immigration Control Act was used solely on Chinese labourers and the Chinese community.]

Pengenalan: Keadaan buruh lombong Cina di NNMB, 1929-1933.

From official sources it is known that in the state of Perak alone, the number of unemployed Chinese labourers, almost wholly mining labourers at the end of May was about 10,000 and it was anticipated that the figure would be about 15,000 by the end June.¹

Pengangguran buruh lombong adalah satu fenomena yang ketara

¹HC FMS kepada Lord Passfield CO bertarikh 8.7.1930 yang dirujuk pada telegram dari HC kepada CO bertarikh 7.6.1930 dalam CO 273-566-567, m.s. 3.

pada zaman meleset di NNMB khususnya di Perak. Ini disebabkan pengurangan saiz gunatenaga buruh dalam industri timah akibat kejatuhan harga bahan tersebut. Penyingkiran buruh lombong secara beramai-ramai telah pun bermula sejak tahun 1930 lagi. Jadual I, dapat menunjukkan jumlah pengangguran buruh lombong di NNMB di antara bulan Disember 1929 hingga bulan Ogos 1930.

JADUAL I
BILANGAN KULI YANG BEKERJA DI LOMBONG NNMB, 1929-30

	Dis. 1929	Ogos. 1930	Pengurangan	Pengurangan (%)
Perak	65,411	44,020	21,391	32
Selangor	31,346	23,220	8,126	25
N. Sembilan	2,226	1,377	849	38
Pahang	—	—	—	—
Jumlah	98,983	68,617	30,366	30

Sumber: *Officer Adminstrating the Government* kepada *Mr. Lord Passfield Colonial Office*, bertarikh 23.10.1930, dikepilkan lampiran No. 4, Memorandum: *Unemployment amongst Chinese Labourers in the FMS by A.B. Jordon* bertarikh 4.10.1930 dalam CO 273/566-567, m.s. 3.

(Tindakan memberhentikan kerja buruh lombong, majoritinya dilakukan oleh majikan Cina sama ada disebabkan perusahaan mereka terpaksa ditutup atau untuk mengurangkan kos pengeluaran. Lombong Cina yang berintensifkan buruh menyerapkan 7/8 dari jumlah tenaga buruh lombong dalam industri timah di NNMB.² Ini bermakna bahawa masalah pengangguran kaum buruh lombong pada zaman meleset adalah hasil tindakan majikan lombong Cina.) Di Perak, jumlah pengangguran adalah tertinggi sebab majikan lombong Cina di Kinta, Larut, Gopeng, Tronoh dan beberapa kawasan perlombongan lain terpaksa mengecilkan saiz tenaga kerja, malah terdapat juga yang menutup terus perusahaan mereka sebab mengalami kerugian besar. Jadi, buruh yang menganggur ini terpaksa menghadapi berbagai masalah sosio-ekonomi yang meliputi soal pekerjaan baru, masalah tempat tinggal, masalah tindakan undang-undang dari pihak kerajaan dan sebagainya. Di samping ini, terdapat juga usaha-usaha dari pihak komunis yang cuba mempengaruhi kaum buruh lombong supaya bangun menentang kerajaan. Pihak kerajaan bukan sahaja berhadapan dengan ancaman komunis malah terpaksa membentaras kegiatan jenayah yang berleluasan pada masa yang sama.

Pada dasarnya, kaum buruh lombong tidak memilih pekerjaan semasa zaman meleset. Berbagai pekerjaan dilakukan untuk menyara

²Lihat surat dari HC kepada Lord Passfield CO, yang bertarikh 21hb. Jun 1931 dikepilkan No. 5, MRCA Mei 1931 oleh A.B. Jordon dalam CO 717/81, m.s. 35.

kehidupan, seperti menoreh getah, berniaga barang-barang terpakai, menjaja makanan. membuat huma, mengusahakan kebun sayur dan menjual kayu api sekadar menyebut beberapa bidang pekerjaan³.

Pada zaman meleset, terdapat ramai buruh lombong yang berkerja sebagai penoreh getah sama ada di estet-estet atau pun di kebun-kebun getah. Para pekerja di ladang getah biasanya dibayar gaji harian dan ini berbeza dari sistem yang diamalkan oleh tuan-tuan kebun getah.⁴ Pihak tuan kebun getah akan menetapkan sistem yang ingin diamalkan dan jika pihak buruh menyetujuinya, beliau akan diambil bekerja di kebun tersebut. Terdapat beberapa sistem yang kerap dipraktikkan oleh tuan kebun getah.

Sistem pertama dikenali sebagai sistem 4:6. Dalam sistem ini, jika buruh berkenaan berjaya menghasilkan, 10 kati getah sehari, beliau akan dapat 4 kati sementara 6 kati lagi diserahkan pada tuan kebun.⁵ Selain dari ini, 'skrap' getah juga diberikan pada buruh dan beliau dikehendaki menggunakan sebahagian daripada hasil jualan skrap itu, untuk membeli ubat bagi mencegah penyakit pokok getah di kebun tersebut. Hasil pendapatannya cuma diperolehi setelah 4 kati getah dan sejumlah skrap tadi di jual. Sistem ini tidak dapat menjamin hasil pendapatan buruh sebab pengeluaran getah tertakluk pada keadaan cuaca dan musim. Di puncak zaman meleset harga getah dianggarkan 8 sen dan hitung panjang pendapatan ialah di antara 25-35 sen.⁶

Sistem kedua dikenali sebagai sistem bahagi dua. Ini bermakna hasil pendapatan yang diperolehi dibahagi samarata di antara pemilik kebun dengan buruh. Sistem ini dijalankan melalui dua cara. Pertama, sebahagian daripada kebun getah itu dipajakan oleh pemilik kepada buruh dan ditetapkan syarat sama ada dalam tempoh satu atau dua minggu, beliau dikehendaki menyerahkan sebahagian daripada hasil pendapatan kepada pemilik kebun. Dalam cara kedua, seluruh daripada kebun pemilik dipajakan dan hasil pendapatan harian dibahagi dua dengan samarata.⁷ Dalam cara kedua ini, biasanya pemilik mempunyai sumber pekerjaan lain selain

³Temubual dengan bekas buruh lombong yang terlibat dalam pekerjaan tersebut semasa zaman meleset. Temubual di RSKT, RKTR dan di RKJ.

⁴Kebun Getah dalam konteks ini bermaksud kawasan tanaman getah yang mana keluasannya kurang dari 100 ekar.

⁵Temubual dengan Ah Poon di RKJ, Ipoh pada 10hb. Disember 1982, jam 10.30 pagi. Beliau bekerja sebagai penoreh getah di kebun Hj. Kassim Mat Tahir pada zaman meleset.

⁶*Ibid.*

⁷Temubual dengan bekas buruh lombong yang bekerja sebagai penoreh getah pada zaman meleset, di RSKT pada 7.12.1982.

dari menoreh getah. Dengan memajukan kebun tersebut, beliau dapat menumpu perhatian sepenuhnya pada usaha penanaman padi atau lain-lain. Sistem bahagi dua ini terdapat, kebanyakannya di kawasan getah utama di Perak seperti di Selayang, Parit dan Bota Kanan dan Kiri sekadar menyebut beberapa tempat.⁸ Dalam semua sistem yang disebutkan di atas, pihak pemilik tidak membayar upah pada buruh tetapi pendapatan diperolehi setelah beliau menjual bahagiannya seperti yang ditetapkan awal tadi.

Zaman meleset memperlihatkan kegigihan dan semangat perniagaan buruh Cina umumnya. Kebanyakan buruh lombong yang telah kehilangan kerja berhijrah ke bandar-bandar besar terutamanya bandar Taiping dan Ipoh dengan harapan untuk mencari kerja. Suatu bidang yang boleh diceburi ialah dalam bidang perniagaan. Mereka sama ada masih bujang atau sudah berfamili telah mula berniaga dengan modal yang agak terhad. *"These hawkers with a small capital of 2 to 10 dollars earn enough to support themselves and their families"*.⁹ Kegiatan penjaja makanan ini telah menimbulkan reaksi 'repressive' dari pihak kerajaan. *"The desire of the Government in Malaya to control the health of the town on stricter lines has increased the hardship of the Chinese coolies."*¹⁰

Dasar kerajaan yang menekan para penjaja ini, bukan sahaja tidak disokong oleh masyarakat umum, malah telah menimbulkan berbagai reaksi dari pihak akhbar. Pandangan yang diberikan jelas menunjuk sokongan dan simpati mereka pada peniaga berkenaan. Akhbar Nanyang Siang Pau yang bertarikh 13hb. Mac 1931 telah menegaskan:

*...that hawkers should not be abolished 'en bloc' because, in the first place they are indispensable to the coolie class in as much what they sell is cheap and tasty, and secondly they are of service to the public who buy from them their daily necessities without going to the market.*¹¹

Walaupun kerajaan bertindak membenteraskan kegiatan mereka tetapi keadaan begitu tetap seperti biasanya dan tidak berubah.

⁸*Ibid.* Temubual di RSKT pada 7.12.1982.

⁹Gov. SS kepada CO, surat yang bertarikh 8hb. Mei 1933, dilampirkan, No. 32, MRCA April 1933, No file 13008 Pt. II, oleh A.B. Jordon, dalam CO 273/585, m.s. 54

¹⁰*Ibid.*, m.s. 53.

¹¹Surat dari Gov. SS kepada Lord Passfield CO yang bertarikh 9hb. April 1931, dilampirkan No. 7 MRCA Mac 1931, oleh A.M. Goodman dalam CO 273/571, m.s. 58.

Untuk menyelesaikan masalah tersebut, beberapa cadangan telah disuarakan supaya tindakan kerajaan lebih berkesan dan tidak menjejaskan kehidupan para peniaga berkenaan. Akhbar Penang Sin Poe yang bertarikh 13hb. April 1932 telah mencadangkan bahawa, *'the local authorities, instead of suppressing them, should regulate their business and at the same time encourage padi-planting so that more hawkers will turn to this field.'*¹² Tetapi malangnya, cadangan itu adalah bercanggah dengan polisi tradisi kerajaan yang cuma memperuntukkan bidang tersebut pada orang-orang Melayu. Oleh sebab itu cadangan tidak berjaya menarik perhatian kerajaan.

Berhubung dengan nasib para penjaja, akhbar Sin Chew Jit Poh yang bertarikh 10hb. April 1932, telah membangkitkan beberapa masalah yang disebabkan oleh golongan penjaja tadi. Walaupun begitu, pandangan yang diberikan tetap berbelah bagi. Akhbar tersebut telah mengatakan bahawa;

*...it is quite justifiable for the local authorities to suppress the hawking business on account of its being unhygienic, causing obstruction to traffic and fostering bribery, but doubts the advisability of entire suppression because at the present time unemployment is very serious and in many cases hawking is the last and only outlet for the unemployed.*¹³

Jadi nampaknya, kerajaan berada dalam dilemma dan tidak berupaya bertindak dengan tegas terhadap kaum penjaja tersebut. Tindakan keras dari kerajaan sudah tentu akan mengancam kehidupan mereka dan ini akan menyebabkan berbagai kemungkinan yang lebih serius. *"But repeated fine and imprisonment soon reduces some of them to bankruptcy and their alternative, since their only legitimate means of earning a living is taken away is to resort to the age-old practice of robbing and thieving."*¹⁴ Menyedari ancaman yang tersembunyi ini, kerajaan tidak berhasrat untuk memburukkan lagi berbagai kegiatan jenayah di Perak pada waktu itu. Atas pertimbangan inilah, kerajaan cuma bertindak sekadar mengawal kegiatan mereka tetapi tidak sehingga menghapuskan punca pencarian mereka itu.

¹²Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister CO bertarikh 6hb. Mei 1932, dilampirkan No. 20 MRCA April 1932, oleh A.M. Goodman dalam CO 273/579. m.s. 57.

¹³Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister CO yang bertarikh 6hb. Mei 1932 dilampirkan No. 20 MRCA April 1932, oleh A.M. Goodman dalam CO 273/579-580. m.s. 57.

¹⁴Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister CO yang bertarikh 8hb. Mei 1933 dilampirkan No. 32 MRCA April 1933, No. Fail 13008 Pt. II, dalam CO 273/585, m.s. 54.

Pada zaman meleset, terdapat kecenderungan di kalangan buruh mengusahakan aktiviti pertanian dan ini telah menyebabkan jumlah setingan semakin meningkat. Lokasi kegiatan pertanian mereka biasanya di tanah lapang yang berhampiran dengan jalan raya dan jalan keretapi.

Ini adalah penting bagi memudahkan proses pengangkutan hasil pengeluaran ke pusat bandar untuk dipasarkan. Berbagai jenis sayuran termasuk sawi, bayam, kacang bendi, kacang panjang dan lobak ditanam oleh para pekebun ini di samping tanaman tembakau dan kacang tanah. Terdapat beberapa faktor yang menggalakkan penglibatan buruh dalam bidang pertanian ini. Pertama, kerana pasaran tersedia bagi hasil pertanian dan kedua kegiatan pertanian ini dapat diusahakan atas tapak tanaman yang kecil di samping tidak memerlukan banyak modal.¹⁵ Selain dari menjalankan aktiviti pertanian, para pekebun sayur juga menternak binatang yang secara langsungnya dapat meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan mereka.

*The rearing of livestock, in turn, complements his market gardening activities since pig and poultry waste can be used as fertiliser for the vegetables.*¹⁶

Untuk menjayakan kegiatan pertanian ini, bantuan tenaga dari ahli keluarga amat diperlukan. Oleh sebab inilah, maka hampir semua dari jumlah kaum setingan terdiri dari mereka yang telah berkeluarga.¹⁷ Pusat kegiatan mereka adalah di daerah Kinta terutamanya di Ulu Kinta. Kadar pengangguran yang tinggi di daerah ini telah menimbulkan masalah kekurangan tanah. Oleh itu, mereka telah terpaksa menggunakan tanah-tanah lombong dan memilih jenis tanaman yang sesuai dengan keadaan tanah tersebut. *"A good deal of hill padi, is however, planted on state or mining land occupied temporarily under license and a considerable acreage is planted with tuba root by Chinese."*¹⁸

Pada dasarnya, sebelum seseorang itu membuka dan mengusahakan tanah kerajaan, beliau dikehendaki membuat permohonan terlebih dahulu untuk mendapatkan lesen TOL. Tetapi disebabkan kurangnya pengetahuan

¹⁵Lihat Francis Kok-Wah Loh, *"Beyond the tin mines, the Political economy of Chinese Squatter Farmers in the Kinta New Villages, Malaysia."* Ph.D. thesis, Cornell University, 1980, m.s. 50-53.

¹⁶*Ibid.*, m.s. 52.

¹⁷Temubual dengan bekas buruh lombong pada zaman meleset di RKTR pada 10hb. Dis. 1982 di Perak.

¹⁸PAR 1931 by G.E. Cator, m.s. 35.

atau tidak sedar tentang peraturan itu, para buruh lombong ini telah menjalankan kegiatan pertanian tanpa permit dari kerajaan. Ini bermakna hasil kutipan cukai akan turut berkurangan memandangkan ramai yang tidak mengambil lesen TOL. Walaupun perkara ini wujud, kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas mereka berdasarkan pada pertimbangan tertentu. "*For a time, the government chose not to interfere especially since the squatters became a very important source of supply of fresh vegetables and eggs.*"¹⁹ Pertimbangan lain ialah kerana mereka sanggup berdikari dan tidak mengharapkan sebarang bantuan dari kerajaan. Selain dari ini penglibatan mereka dalam bidang tersebut dapat mengurangkan potensi ancaman masalah sosial di Perak.

Masalah tempat kediaman

Masalah tempat kediaman berhubungan rapat dengan soal pekerjaan. Ianya merupakan masalah kedua penting yang dihadapi oleh kaum buruh lombong khususnya buruh-buruh bujang. Ini adalah kerana mereka kurang melibatkan diri dalam bidang pertanian dan tidak membina tempat tinggal seperti dilakukan oleh buruh yang berfamili. Kedudukan lombong yang jauh dari bandar menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan kemudahan kongsi tersebut.

Dalam usaha mengatasi masalah ini, ramai di antara buruh lombong terpaksa menumpang rumah kawan, sanak saudara, menyewa bilik atau pun mendirikan pondok-pondok kecil sendiri. Disebabkan sewa rumah dan bilik tinggi, iaitu \$2-\$4 pada zaman meleset, maka masalah tempat tinggal sukar untuk diatasi.²⁰ Kadar sewa meningkat secara langsung adalah kerana jumlah pengangguran buruh terlalu ramai dan permintaan terhadap rumah dan bilik adalah tinggi. Keadaan ini ketara sekali di daerah Kinta dan di beberapa bandar utama khususnya Taiping dan Ipoh. Di bandar-bandar tersebut, jumlah pengangguran begitu ramai dan masalah tempat tinggal menjadi serius hinggakan ramai daripada kaum buruh terpaksa tidur di kaki lima bangunan kedai dan bangunan kerajaan.²¹ *Kwangtung Association* di Taiping, telah menjadi tempat tumpuan para buruh yang in-

¹⁹Khoo Kay Kim, "*The Great Depression: The Malaysian Context*" dalam, *The History of South East, South and South East Asia*, Khoo Kay Kim, ed. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, m.s. 83.

²⁰Temubual dengan bekas buruh lombong pada zaman meleset, di RKTR, Perak pada 10hb. Dis 1982.

²¹Temubual dengan Apek Sik Que, pada 11hb. Dis. 1982 di rumahnya yang beralamat S3, Kg. Bharu, Kamunting, Taiping.

gin bermalam di situ. Tetapi disebabkan tempat ini penuh sesak, maka ramai terpaksa tidur di kaki lima bangunan kedai dan sebagainya. Walaupun, puas pihak kerajaan bertindak ke atas mereka yang tidur di kaki lima, namun keadaan demikian tetap berterusan juga.

Penghijrahan buruh-buruh lombong ke Negeri-negeri Selat adalah satu aspek menarik pada zaman meleset. Mereka berhijrah dengan harapan untuk mencari pekerjaan dan mengurangkan bebanan dan masalah hidup yang sedang mereka hadapi. Tetapi langkah tersebut telah menburukkan lagi keadaan pengangguran di negeri berkenaan. *"The unemployment situation at Penang due to closing down of tin-mines which begins this month is growing increasing serious."*²² Bukan sahaja Pulau Pinang menerima kesan buruk akibat penghijrahan beramai-ramai kaum buruh, malah Singapura yang lebih jauh kedudukannya telah menerima kesan yang sama. Di Singapura, dari hampir 1,000 orang Cina yang tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan, dan tidur di kaki-kaki lima, didapati 60% dari jumlah tersebut telah datang dari beberapa tempat dari Semenanjung Tanah Melayu.²³ Berhubung dengan tujuan penghijrahan mereka, Getfield telah melaporkan bahawa:

*....the invasion of unemployed person from other parts of the Peninsular, no doubt hoping to find work in this wonderful city or if they cannot get the work perhaps to get away by sea.*²⁴

Jadi nampaknya, nasib dan masalah buruh adalah sama saja walaupun mereka berhijrah ke negeri lain.

Taraf Sosio-Ekonomi Buruh Lombong Cina

*Look! Groups of unemployed brothers are lying along the banks of the river. Everyone of them has a sad appearance and torn clothing. Some are sleeping and others are groaning.*²⁵

Pernyataan di atas dapat menggambarkan taraf hidup buruh miskin

²²Telegram dari Gov. SS kpd Secretary of State for Colonies, yang bertarikh 11/July 1930,, *unnumbered Confidential*, dalam CO 273/566-567, m.s. 97.

²³Lihat – *Extract from Proceeding, of the Legislative Council* bertarikh 29hb. September 1930, dalam CO 273/566-67 m.s. 14.

²⁴*Ibid.*, m.s.14.

²⁵Surat HC FMS kepada Lord Passfield CO bertarikh 22hb. Mei 1931, dilampirkan No. MRCA March 1931, dalam CO 717/81-82, m.s. 6.

yang menganggur. Kesulitan hidup yang dihadapi umumnya oleh kelas buruh sama ada yang bekerja atau penganggur adalah kerana kedudukan kewangan mereka amat terjejas pada zaman meleset. Ini bermakna kuasa membeli mereka ke atas barangan keperluan harian turut merosot. Gaji buruh lombong yang bekerja dengan majikan Cina pada tahun 1933 ialah di antara 20 sen - 40 sen sehari. Dalam tahun 1931 dan 1932 kadar upah yang dibayar adalah lebih rendah dari gaji harian tadi. Pada masa yang sama, kekurangan bahan makanan yang dialami di seluruh negara telah mempengaruhi kedudukan harga bahan itu.

Pergantungan negara ini pada bekalan makanan dari luar negeri, turut juga meninggalkan kesan ke atas taraf sosio-ekonomi kaum buruh. Barangan keperluan harian yang diimport oleh kerajaan pada zaman meleset adalah seperti beras, susu, daging, kopi dan sebagainya. Cukai import yang dikenakan ke atas bahan tersebut telah menyebabkan harga meningkat. Pengurangan jumlah import juga menyebabkan kekurangan makanan dan ini mempengaruhi kedudukan harga barangan tersebut. Jadual II, menunjukkan jumlah import beberapa jenis bahan oleh NNMB pada tahun 1929-1932.

JADUAL II
IMPORT NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1929-1932

	Barangan (\$)			Tahun
	1929	1930	1931	1932
Susu tin (peti)	467,203	499,139	342,440	214,991
Teh (pound)	4,408,079	3,801,147	2,969,202	1,852,182
Tembakau, curut dan rokok (pound)	10,718,386	8,657,167	6,416,819	3,277,576

Sumber: P.T. Bauer, "*Some Aspects of the Malayan Rubber Slump 1929-1933*", dalam T.H. Silcock, ed., *Readings in Malayan Economics*, Singapore, 1961, m.s. 188.

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa jumlah import semakin berkurangan setiap tahun kerana kerajaan menghadapi krisis kewangan akibat kejatuhan harga pasaran bijih timah dan getah pada zaman meleset. Taraf hidup kaum buruh lebih terjejas apabila kerajaan mengenakan cukai import ke atas beras, bahan makanan utama penduduk di negara ini. Tindakan itu difikirkan wajar bagi menggalakkan perkembangan industri padi supaya bekalannya dapat menampung semua keperluan beras penduduk negara ini. Kerajaan berharap apabila harga beras meningkat, lebih ramai orang Melayu akan kembali bergiat dalam industri tersebut.

Kedudukan harga barangan keperluan harian secara umumnya adalah tinggi jika dibandingkan dengan hasil pendapatan yang diperolehi oleh kaum buruh. Di Perak, harga runcit beras ialah 20 sen segantang, ikan kering harganya 16-18 sen sekati, sayur 3 sen sekati dan manakala sayur

kering 6 sen sekati.²⁶ Pendapatan buruh lombong pada tahun yang sama (1933) ialah sebanyak 20-40 sen sehari.²⁷ Jadi kuasa pembeli kaum buruh adalah kecil dan terhad. Ramai di antara mereka cuba menampung keperluan harian dengan beberapa cara kecilan. Tetapi bukanlah semua yang dapat memperbaiki masalah keperluan mereka.

Di Perak, beberapa kejadian yang berhubung dengan masalah makanan sering dicituskan oleh kaum buruh sama ada yang menganggur mahupun yang masih bekerja. *"There have been cases too of unemployed going into eating shops, eating a meal and then announcing that they have no money to pay it. An investigation of a food raiding incident by Chinese laborers showed that they had been working for small employers at 13 cents a day."*²⁸ Dalam tahun 1931 dan 1932, kejadian begini semakin berkurangan sebab hasil tuaian padi yang bertambah pada tahun-tahun tersebut telah menyebabkan harga beras turun.²⁹ Jadi, adalah jelas bahawa taraf sosio-ekonomi kaum buruh begitu ketara terjejas pada zaman meleset.

Masalah Sosial Di Perak

Zaman meleset yang dicirikan dengan berbagai masalah sosio-ekonomi kaum buruh merupakan punca utama kenaikan kegiatan jenayah di Perak. Berhubung dengan masalah ini, akhbar *The Straits Times* yang bertarikh 29hb. Mei 1931, dalam bahagian 'editorial' yang bertajuk *"The Perak Troubles"* telah menulis bahawa:

*It is the price which Malaya has to pay for depending extremely on imported labour, a system which works admirably in times of plenty but presents formidable problems when there is no work for the vast army of foreign labour which has been brought here.*³⁰

²⁶Surat dari Gov.SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister CO bertarikh 12hb. Oktober 1933, dilampirkan No. 37 MRCA September 1933, oleh A.B. Jordon, dalam CO 273/586, No. Fail 13008 Part IV, m.s. 28.

²⁷*Ibid.*, m.s. 28.

²⁸Surat dari HC kepada Lord Passfield, 8hb. Julai 1930, dilampirkan No. 2, 'Memorandum' oleh A.B Jordon, 7hb. Jun 1930, dalam CO 273/566-567, m.s. 3.

²⁹J.N. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation Industry in Malaya, 1910-1941*, J.J. Augustine Inc., New York, 1960, m.s.243.

³⁰The Straits Times, 29hb. Mei 1931, m.s. 10

Keadaan pengangguran yang tinggi, krisis kewangan dan kesulitan hidup yang dialami oleh kaum buruh, saling berinteraksi dalam mencetuskan kekacauan dan ini menjejaskan keamanan negeri Perak. Jadual III, menunjukkan jumlah jenayah yang berlaku di Perak pada zaman meleset.

JADUAL III
JUMLAH JENAYAH DILAPORKAN DI PERAK, 1929-1931

Jenis Jenayah	1929	1930	1931
Pembunuhan	35	49	45
Rompakan kumpulan	10	53	60
Rompakan	43	96	69
Pecah-rumah	454	570	739
Mencuri	174	126	96

Sumber: PAR, 1930, m.s. 9.
PAR, 1931, m.s. 26.

Data-data dari jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa kegiatan jenayah di Perak semakin meningkat khususnya jenayah pecah-rumah, rompakan dan rompakan dalam kumpulan. Ini bermakna kerajaan terpaksa bertindak segera bagi mengawal keadaan keselamatan dan menjamin keamanan di negeri tersebut.

Kawasan yang paling serius dilanda oleh kegiatan jenayah ialah di daerah Kinta Perak. Ini sudah maklum, sebab daerah ini merupakan pusat aktiviti industri timah dan terdapat jumlah pengangguran yang ramai sekali pada zaman meleset "*According to the police, over 90% of the cases of robberies were committed by Chinese drawn from the unemployed mining labourers.*"³¹ Sebenarnya, daerah Kinta mewarisi tradisi jenayah sejak awal lagi dan kegiatan ini memuncak apabila industri timah merosot, akibat kejatuhan harga bijih timah. "*In the period of the 1914 tin depression, the towns of Kinta were terrorized by gangs of criminals.*"³² Dalam tahun 1916, kumpulan samseng bergiat aktif di Kampar, Tronoh, Chemor dan Gopeng. Pada tahun 1930, dilaporkan bahawa. "*Kinta with the adjoining districts of Tapah and Sungai Siput North accounted for 77 out of the 100 robberies and 47 of the 57 in 1929.*"³³ Jadi, nampaknya, corak dan

³¹Khoo Kay Kim, "*The Great Depression: The Malaysian Context*" dalam *The History of South East, South and South East Asia*, op; cit m.s. 88

³²Lee Kam Hing, "Some social-economic aspects of Perak society", dalam No. 6, *Joint Research Programme Series*, Institute of Developing Economies Tokyo. Japan, m.s. 36.

³³PAR, 1930, m.s. 9

aktiviti jenayah di Kinta khususnya mempunyai pertalian rapat dengan kedudukan ekonomi industri timah.

Pada zaman meleset didapati kegiatan Parti Komunis semakin meningkat dan berbagai usaha dijalankan untuk mendapatkan sokongan dari kaum buruh. *"In 1930, according to an official estimate, the Malayan Communist Party controlled about 10,000 persons in various labour groups."*³⁴ Kebanyakan dari isu yang digunakan adalah berkaitan dengan masalah sosio-ekonomi kaum buruh. Tindakan kerajaan pada zaman meleset yang menyebabkan kesulitan hidup kaum buruh, juga dijadikan alat propaganda oleh Parti Komunis. *"Most of their propaganda is dangerous in the extreme, and they are using for their own ends the May tapping holidays, the proposal for tin restriction of output and the low prices of our staple products with the reductions in coolies wages that these have necessitated."*³⁵

Di Tanjung Tualang, pihak komunis telah menggerakkan tenaga buruh lombong supaya menentang tindakan kerajaan dan mereka juga telah membuat beberapa tuntutan bagi menjamin kesejahteraan nasib buruh lombong.³⁶ Di samping ini beberapa kekacauan di situ, telah diatur oleh pihak Komunis. Hasil serbuan pihak kerajaan di ibu pejabat *'Perak Genaral Labour Union'* membuktikan bahawa kekacauan di Tanjung Tualang sebenarnya digerakkan oleh pihak Parti Komunis.

Kesimpulannya, adalah jelas bahawa nasib kaum buruh lombong begitu terjejas sekali pada zaman meleset. Berbagai masalah sosio-ekonomi yang menghimpit kehidupan mereka telah memudahkan golongan tertentu mempengaruhi mereka. Pihak kerajaan pula terpaksa berhadapan dengan masalah jenayah dan pengaruh komunis pada waktu itu yang mengancam keamanan dalam negeri. Ini semua disebabkan oleh keadaan ekonomi ketika itu dan juga kerana jumlah pengangguran kaum buruh yang tinggi di Perak. Jadi, apakah reaksi masyarakat Cina terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum buruh lombong?

³⁴Bela C. Maday, *Area Handbook for Malaysia and Singapore*, (Foreign Areas Studies Division, The American University, Washington DC 200) US Govt. Printing Office, Washington DC, 1965, m.s. 530.

³⁵Surat dari HC FMS kepada Lord Passfield CO yang bertarikh 8hb. Julai 1930, dilampirkan No. 2 'Memorandum' oleh A.B. Jordon yang bertarikh 7hb. Jun 1930 dalam CO 273/566-567, m.s. 3.

³⁶Lihat lampiran A, m.s. 70-71.

Reaksi Masyarakat Cina dan Tindakan Kerajaan Terhadap Masalah Sosio-Ekonomi Buruh Lombong

*...in order to relieve conditions of unemployment common both to the FMS and to the colony, it has been considered advisable to regulate the entry into the colony of immigrant labourers from China, who if they came to Malaya, under present conditions would find great difficulty in finding work and merely swell the ranks of the unemployed.*³⁷

Semenjak kemerosotan industri timah di NNMB, jumlah pengangguran buruh lombong semakin meningkat dan diikuti oleh berbagai masalah sosial di negeri-negeri tersebut, istimewanya di Perak dan Selangor. Keadaan ini akan bertambah buruk lagi jika kemasukan buruh imigran tidak disekat segera. Berdasarkan pada pertimbangan inilah, kerajaan telah bertindak menghadkan kemasukan buruh tersebut dengan mengenakan quota tertentu pada zaman meleset. Dengan tindakan tersebut bukan sahaja, kerajaan dapat mengawal keadaan pengangguran dalam negara, malah, membolehkan kerajaan berusaha untuk mengatasi atau mengurangkan masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kaum buruh. Dalam usaha mengatasi masalah tersebut pihak masyarkat Cina, khususnya golongan saudagar dan beberapa institusi lain, telah memberi bantuan material dan sokongan moral pada kaum buruh tadi. Turut sama memainkan peranan penting ialah golongan intelek Cina. Mereka sering mendesak kerajaan supaya menyediakan lebih peluang pekerjaan pada buruh yang menganggur itu.

Golongan saudagar Cina telah memainkan peranan penting bagi mengurangkan masalah sosio-ekonomi kaum buruh. Sejak kemerosotan industri timah dalam tahun 1929, keadaan pengangguran di bandar-bandar utama seperti di Ipoh dan Taiping semakin buruk. Ini disebabkan oleh penghijrahan buruh-buruh lombong yang telah disingkirkan oleh majikan mereka. Tujuan mereka adalah untuk mencari pekerjaan di bandar-bandar tersebut. Tetapi ramai yang gagal mendapatkan pekerjaan kerana peluang pekerjaan adalah terhad. Jadi, ini telah menyulitkan kehidupan mereka sebab mereka tidak berwang, tidak mempunyai tempat tinggal dan menghadapi masalah kebuluran.

Memandangkan masalah kaum buruh yang serius, golongan saudagar telah bertindak menubuhkan Tabung Khas untuk membantu kaum buruh

³⁷Extract from *Proceedings of the Legislative Council*, 29hb. September 1930, dalam CO 273/566-567, m.s. 15.

tadi. Berbagai *Tong ka* telah menderma pada tabung kewangan itu.³⁸ Pihak jawatankuasa tabung ini, telah menyeru supaya kaum 'towkay' Cina dan pihak orang ramai menderma pada tabung tersebut. Derma yang diberikan oleh orang-orang kaya, kesatuan majikan, persatuan-persatuan orang Cina dan pihak-pihak lain bergantung pada kemampuan dan kerelaan mereka masing-masing.

Hasil kutipan tabung tersebut digunakan untuk membeli bahan makanan harian bagi kaum buruh yang menganggur. Bahan utama yang dibeli ialah beras, kopi, roti sayur-sayuran dan ikan kering.³⁹ Di Taiping dan Ipoh tempat khas telah dipilih untuk menyelenggarakan usaha bantuan makanan tadi. Di Taiping, '*Kwangtung Association*' bertindak sebagai 'kedai makan percuma' bagi kaum buruh yang miskin dan menganggur. Bangunan ini menjadi tempat tumpuan utama kaum buruh pada waktu pagi, tengahari dan petang. Jadi, tindakan oleh golongan saudagar kaya secara langsung telah meringankan masalah mereka khususnya yang berhubung dengan soal makanan.

Peranan Persatuan Cina

Di sekitar bandar Taiping terdapat beberapa persatuan Cina seperti persatuan Hokkien, Hakka, Cantonese dan sebagainya. Kebanyakan dari persatuan ini terdapat di Jalan Taman Tasik, Taiping. Pada zaman meleset beberapa persatuan ini turut memberi sumbangan kepada Tabung Khas yang telah ditubuhkan oleh golongan saudagar Cina. Peranan persatuan Cina pada masa itu bolehlah dianggap terhad memandangkan bantuan dan kemudahan yang diberikan pada buruh, tidak sebanyak mana. Bantuan material, seperti pakaian atau hadiah bahan makanan dan sebagainya, tidak diberikan oleh pihak persatuan ini, walaupun pada suku kaumnya sendiri.

Namun demikian, persatuan-persatuan Cina ini, sering membuat seruan kepada kaum buruh supaya menjadi ahli persatuan mengikut *seh* masing-masing. Satu kebaikan menjadi ahli persatuan ialah kerana pihak persatuan dapat bertindak sebagai penjamin buruh apabila ia ditangkap oleh polis atas kesalahan tertentu.⁴⁰ Untuk menjadi ahli, syaratnya yuran mesti dibayar terlebih dahulu dan perkara inilah yang menyulitkan buruh-buruh yang menganggur untuk menjadi ahli persatuan.

³⁸Temubual dengan bekas buruh lombong di RSKT pada 7hb. Disember 1982.

³⁹*Ibid.*

⁴⁰Temubual di RSKT pada 7hb. Disember 1982.

Persatuan-persatuan Cina, pada zaman meleset cuma membenarkan beberapa orang buruh sahaja tinggal di situ. Mereka yang tinggal di persatuan ini, bekerja secara sukarela dan bertugas menjaga persatuan itu. Ahli-ahli lain yang tidak terlibat dengan tugas menjaga persatuan ini tidak dibenarkan menumpang di bangunan tersebut. Ringkasnya, kesulitan ekonomi buruh dan kurangnya kemudahan yang disediakan oleh persatuan-persatuan ini telah menyebabkan ramai daripada kaum buruh tidak berminat menjadi ahli.⁴¹

Reaksi Badan Penasihat Cina Terhadap Masalah Buruh Lombong

Pembinaan kem sementara atau '*relief camp*' difikirkan sebagai suatu tindakan yang sesuai dalam menghadapi masalah pengangguran. Memandangkan jumlah pengangguran buruh yang tinggi di Perak, kerajaan telah bercadang untuk mendirikan sebuah kem sementara di negeri tersebut. Cadangan dari kerajaan ditolak oleh Badan Penasihat Cina sebab tindakan begitu dianggap tidak sesuai dari segi ekonomi. Sebaliknya, mencadangkan supaya kerajaan membina sebuah pusat kem sementara di Sungai Buloh, Selangor. Tindakan ini tentu lebih menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Di samping itu Badan tersebut menggesa kerajaan supaya langkah segera diambil untuk membuka peluang pekerjaan bagi kaum buruh yang menganggur.

*Their view was that the need for relief works was far more urgent in Kinta than elsewhere, and they pleaded that road construction and a river deviation scheme should be put in hand immediately in Ipoh and Kampar.*⁴²

Peruntukan kerja di beberapa tempat tadi bukan sahaja dapat meringankan masalah buruh tetapi dari sudut ekonomi amat menguntungkan kerajaan. Penawaran tenaga buruh yang berlebihan dan kesediaan mereka menerima kadar upah yang rendah dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan ke atas sesuatu projek yang dijalankan. "*The advantage to Government in so doing was pointed out in that the work could be done so cheaply while the tin industry was slumping.*"⁴³

Berhubung dengan pembinaan kem sementara di Sungai Buloh, kera-

⁴¹Temubual dengan bekas buruh lombong di RSKT, pada 7hb. Disember 1982.

⁴²Surat dari HC kepada Lord Passfield CO yang bertarikh 8hb. Julai 1930, dilampirkan No. 2, 'Memorandum' oleh A.B. Jordon yang bertarikh 7hb. June 1930, dalam CO 273/566-567, m.s. 5.

⁴³*Ibid.*, m.s. 5.

jaan amat mengharap sumbangan wang dari orang ramai terutamanya golongan saudagar bagi menampung kos pentadbiran dan pengendalian pusat tersebut. Menyentuh tentang perkara ini, pihak Badan Penasihat Cina telah memberi pandangan, "...that Government could not rely on the public putting up subscription as they were so hard hit financially and in the case of mine-owners, in particular their resources would be at an end before they closed their mines."⁴⁴ Jadi, adalah jelas bahawa Badan Penasihat Cina Perak memang mengambil berat terhadap masalah bangsanya dengan mendesak kerajaan mengambil langkah tegas supaya keadaan hidup mereka dapat dibaiki.

Peranan yang dimainkan oleh Dewan Perniagaan Cina Perak dan akhbar-akhbar Cina tidak kurang pentingnya pada zaman meleset. Pihak Dewan Perniagaan telah sanggup memberi bantuan material kepada kaum buruh yang ingin berdikari. "*The Chinese Chamber of Commerce has offered to assist by providing attap, hut and food to those who wish to be squatters, and stock in trade to those who wished to be hawkers.*"⁴⁵ Tindakan ini secara langsung telah meningkatkan jumlah golongan para penaja dan kaum setingan di Perak. Sumbangan ini sekurang-kurangnya telah dapat menjamin mata pencarian sebahagian daripada kaum buruh yang menganggur di samping mengurangkan beban dan masalah hidup mereka.

Masalah tempat tinggal yang dihadapi oleh kaum buruh boleh dihubungkan dengan sikap dan tindakan pemilik rumah. Kadar sewa yang tinggi yang dikenakan oleh tuan rumah menyebabkan ramai kaum buruh tidak mampu menyewanya kecuali mereka berkongsi sewa dengan beberapa orang lain. Isi rumah yang ramai sebab beberapa keluarga menyewa dalam satu rumah telah menyebabkan taraf kesihatan mereka terjejas. Pihak akhbar sering mengecam golongan tuan rumah yang pentingkan diri sendiri tanpa menghiraukan nasib buruh yang menderita. Oleh itu terdapat beberapa saranan supaya sewa rumah diturunkan untuk membolehkan kelas masyarakat miskin menikmati keselesaan tempat tinggal. Berhubung dengan perkara ini, akhbar Yik Khuan Poh yang bertarikh 16hb. Mei 1932 telah mengatakan.

*...on the above subject advocates the reduction of house rents by 30% or 40% and says that if this action is taken not only will arrears in house rents be avoided but the number of vacant houses will also be lessened, with the result that both landlords and occupants will benefit.*⁴⁶

⁴⁴HC kepada Lord Passfield CO bertarikh 8hb. Julai 1930, m.s. 5.

⁴⁵Lihat No. 25 MRCA September 1932, m.s. 31.

⁴⁶Yik Khuan Poh, 16hb. Mei 1932 dalam *Review of Chinese Affairs Part I + II*, dalam CO 273/579-580, m.s. 63.

Jadi, pihak akhbar yang bertindak sebagai penyedar masyarakat telah mendedahkan masalah buruh agar beberapa kepincangan yang berlaku berhubung dengan tempat tinggal dapat dibetulkan. Ini bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup kaum buruh di samping mengurangkan masalah tempat tinggal.

Reaksi Kaum Intelek Cina

Pada zaman meleset, berbagai isu yang berkaitan dengan masalah sosio-ekonomi kaum buruh sering dibangkitkan oleh ahli perwakilan Cina sama ada dalam Majlis Perundangan mahupun Majlis Persekutuan. Isu-isu ini meliputi soal penyediaan peluang kerja yang lebih luas, menggalakkan penglibatan buruh Cina dalam kegiatan pertanian, soal pemberian tanah dan sebagainya. Dalam persidangan Majlis Perundangan pada 7hb. Julai 1930, Lim Cheng Ean telah mencadang penubuhan satu Jabatan Khas bagi mengendalikan masalah pengangguran. Salah satu daripada fungsi jabatan tersebut menurut beliau ialah *"...to attempt to reduce the cost of living by encouraging the cultivation of rice, vegetables and other food stuffs."*⁴⁷ Usaha-usaha bagi menambahkan bahan makanan di negara ini dianggap penting supaya pergantungan pada bekalan barangan makanan dari luar negeri dapat dikurang. Selain dari ini, usaha pertanian jika digiatkan dapat menampung sebahagian besar daripada buruh yang menganggur di samping dapat mengatasi masalah kekurangan makanan yang wujud di negara ini pada ketika itu.

Pada tahun 1930, kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengimport beberapa jenis barangan keperluan rakyat di

JADUAL IV
BAHAN-BAHAN YANG DIIMPORT OLEH MALAYA, 1930

Jenis Bahan	Nilai Import
Beras	\$66 juta
Buah-buahan, sayuran	\$10 juta
Kopi, teh	\$4 ³ / ₈ juta
Tembakau	\$24 juta
'Animal Husbandry' (daging, susu, telur, mentega)	\$27 juta

Sumber: Ubahsuai, FMS, *Proceedings of Federal Council*, pada 19hb. Januari 1931, m.s. B87.

⁴⁷Surat dari HC kepada Lord Passfield CO yang bertarikh 8hb. Julai 1930, dilampirkan No. 2, Memorandum, oleh A.B. Jordon yang bertarikh 7hb. Jun 1930, dalam CO 273-566-567, m.s. 5

negara ini. Jadual IV menunjukkan beberapa jenis bahan makanan yang diimport oleh kerajaan British Malaya.

Jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa kebanyakan dari bahan yang diimport oleh kerajaan dapat dikeluarkan di negara ini. Oleh sebab inilah, pihak perwakilan Cina mendesak kerajaan supaya membenarkan kaum buruh Cina bergiat dalam bidang pertanian untuk meringankan bebanan kerajaan tersebut. Berhubung dengan soal beras negara, kerajaan masih mengamalkan dasar lama bahawa pertanian padi adalah untuk orang-orang Melayu dan tidak menggalakkan buruh Cina melibatkan diri secara aktif dalam bidang itu. Masalah beras dihadapi oleh kerajaan semasa zaman meleset disebabkan jumlah ekar di bawah penanaman padi semakin berkurangan. "*Since 1920 the number of acres in the FMS under padi cultivation has decreased by 30,000 acres.*"⁴⁸

Pada tahun 1931, kerajaan telah mengimport sebanyak 68% beras sementara 32% dihasilkan di British Malaya. *32% is about equal to the needs of the Malay population.*"⁴⁹ Jadi, adalah jelas bahawa sejumlah besar dari keperluan beras buruh immigran dan kaum Cina umumnya adalah diimport oleh kerajaan. Hasrat kaum buruh untuk bergiat secara aktif dalam bidang tersebut kurang mendapat perhatian kerajaan pada mulanya. Tetapi memandangkan masalah pengangguran semakin serius, kerajaan telah bertindak dengan mengeluarkan lesen TOL kepada mereka. Ini adalah sebagai langkah untuk mengurangkan masalah pengangguran buruh di samping mengelak dari ancaman kekacauan dari kaum penganggur itu. Tindakan ini juga dapat menjamin bekalan buruh yang mencukupi bagi industri timah di NNMB. Apabila keadaan ekonomi pulih, kerajaan dapat menarik balik lesen TOL yang telah diberikan itu.

Pemberian lesen TOL, tidak dapat menyalurkan semua tenaga buruh penganggur. Ini adalah kerana, kerajaan tidak berhasrat memberi lesen tersebut secara berlebihan dan juga kerana bukan semua buruh penganggur yang merebut peluang tersebut. Biasanya buruh bujang tidak berminat sebab, untuk bergiat dalam usaha pertanian seperti menanam sayur-sayuran atau menanam padi huma, banyak tenaga diperlukan. Oleh itu ramai buruh yang terlibat dalam bidang ini biasanya yang sudah berkeluarga sebab tenaga ahli keluarga dapat memudahkan usaha pertanian mereka. Untuk meyerap tenaga buruh yang masih ramai menganggur kerajaan telah mengwujudkan berbagai pekerjaan sementara.

⁴⁸FMS, *Proceedings of Federal Council*, 19hb. Januari 1931, m.s. 87.

⁴⁹SS, *Proceedings of Legislative Council*, 26hb. Januari 1931, m.s. B 148.

Tindakan Kerajaan Menghantar Pulang Buruh-buruh Cina

Keadaan ekonomi yang semakin meleset dalam tahun 1931 dan diikuti oleh tindakan kerajaan mengurangkan lagi quota pengeluaran bijih timah telah menimbulkan masalah pengangguran yang serius. Kebanyakan lombong-lombong timah terpaksa ditutup disebabkan krisis kewangan yang dihadapi oleh pihak majikan. Jadi, dalam menghadapi keadaan ini kerajaan telah bertindak menghantar pulang buruh-buruh berkenaan. Jumlah pengangguran yang terlalu ramai di NNMB khususnya di Perak telah dianggap oleh kerajaan sebagai *"...a potential source of crime and liable to become a charge upon the general revenue of the country."*⁵⁰ Disebabkan pertimbangan ini kerajaan telah mengubah dasar iaitu tindakan ini meliputi sama ada buruh tua ataupun buruh-buruh muda yang masih mampu untuk bekerja.

Dalam tahun 1931, ramai buruh lombong yang berupaya bekerja dihantar pulang ke negeri Cina dengan segala perbelanjaan dibiayai oleh kerajaan.

*21,176 male unemployed and decrepit Chinese were repatriated through the Protectorate during the year of whom 13,584 were fit unemployed repatriated between the months of August and November in consequence of the drastic cut in September of Malaya's tin quota.*⁵¹

Dalam proses menghantar pulang buruh-buruh yang menganggur ini, tempat menunggu khas telah ditetapkan. Terlebih dahulu mereka perlu mendaftarkan nama di Jabatan Perlindungan Cina. Di Taiping, tempat menunggu ialah di *Kwangtung Association*. Apabila kapal yang akan membawa mereka tiba di pelabuhan Pulau Pinang, buruh-buruh ini akan dibawa dengan keretapi ke destinasi itu. Mereka yang dihantar pulang ini diberikan sepasang baju, kasut dan topi oleh kerajaan.⁵²

Selain dari tindakan repatriasi, kerajaan sejak bulan Ogos 1930 telah menghadkan kemasukan buruh immigran Cina melalui sistem quota. Tindakan ini perlu memandangkan jumlah buruh yang sampai ke British Malaya tetap tinggi.

Starvation and population pressure in the provinces of Kwangtung, Fukkien and Kwangsi, from which most of the labourers came always

⁵⁰Surat dari Gov. SS kepada CO bertarikh 29hb. Januari 1931 dikepil bersama lampiran No. 5, by P.T. Allen, bertarikh 8hb. Januari 1931, dalam CO 273/572-73, m.s. 3.

⁵¹PAR 1931, by G.E. Cator, m.s. 36.

⁵²Temubual dengan bekas buruh lombong di RSKT, RKTR.

*caused the heavy outflow to Malaya irrespective of the state of its economy.*⁵³

Untuk meluaskan skop pengawalan kemasukan buruh immigran Cina, kerajaan telah menguatkuasakan Ordinan Alien pada tahun 1933.

Kesimpulannya, masyarakat dan beberapa institusi Cina telah memberi reaksi berbeza dan membantu meringankan penderitaan kaum buruh. Kerajaan pula telah memberi berbagai kemudahan kepada mereka di samping mengawal keadaan pengangguran di negara ini. Dalam setiap tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran, dapat dikesan beberapa dasar yang diamalkan pada zaman meleset.

Dasar-dasar Kerajaan Terhadap Kaum Buruh Cina pada masa meleset

*Cheap efficient labour is a vital necessity to the two major industries of the FMS and that such labour has been readily available has been one of the greatest assets of Malaya. Anything that tends to increase the cost of labour or limit the supply will prove to be gravely detrimental to industry and to the revenues throughout Malaya.*⁵⁴

Dasar-dasar kerajaan berhubung dengan kedudukan tenaga buruh di negara ini dapat dikesan dalam beberapa tindakan seperti yang disebut di atas tadi. Umumnya, kerajaan lebih memperlihatkan sikap 'pro' terhadap kaum buruh Cina daripada buruh-buruh India. Berhubungan dengan soal repatriasi, kebanyakan buruh India yang muda dan masih mempunyai prospek pekerjaan di British Malaya telah dihantar pulang ke India semasa zaman meleset. Mereka masih ingin dimanjakan oleh kerajaan dan kurang berjaya menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi pada masa itu. Ini berbeza dengan sikap buruh Cina pada masa yang sama.

Pada zaman meleset, kedudukan kaum buruh Cina adalah lebih baik dari kaum buruh India kerana mereka mendapat bantuan dari masyarakat Cina, khususnya dari saudagar kaya Cina. Beberapa bentuk bantuan yang diberikan dapat meringan masalah hidup mereka. Ini juga telah mempengaruhi mereka supaya tidak meninggalkan negara ini pada zaman meleset.

⁵³Virginia Thompson, *Postmortem on Malaya*, MacMillan Company, New York, 1943, m.s.120-121.

⁵⁴SS, Proceedings of the Legislative Council, Selasa, 26hb. Januari 1932, m.s. B 141.

Sikap Kaum Buruh Cina terhadap Repatriasi

Kejayaan kaum buruh Cina menyesuaikan diri pada zaman meleset merupakan faktor penting yang telah menghalang mereka menerima repatriasi dari kerajaan. Sikap mereka yang gigih dan sabar dalam menempuh berbagai kesusahan boleh dikatakan selaras dengan kehendak kerajaan untuk menyimpan seberapa ramai kaum buruh Cina di negara ini. Pada dasarnya kerajaan cuma menghantar buruh-buruh Cina yang tua dan lemah sahaja pulang ke negeri China. Walaupun begitu, terdapat juga pengecualian di mana kerajaan terpaksa menghantar buruh-buruh Cina muda dan berupaya balik ke negeri China atas alasan keselamatan dalam negara.

Kekurangan wang dan peluang pekerjaan adalah punca utama kemerosotan taraf sosio-ekonomi kaum buruh di British Malaya umumnya. Buruh-buruh ini, khususnya kaum buruh Cina, telah merebut berbagai peluang pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan atau berusaha sendiri mendapatkan sebarang pekerjaan yang boleh menyara kehidupan mereka pada masa itu. Tindakan kerajaan menghantar pulang buruh-buruh India, secara langsung telah memperluaskan lagi peluang pekerjaan kaum buruh Cina dalam industri getah.

*It is thought that as the Chinese is the more efficient labourer, he may replace the Indian who is being shifted back to India in thousands now, the Chinese takes a cut in wages philosophically when times are bad and reduces his standard of living accordingly.*⁵⁵

Jadi, ini bermakna bahawa jumlah kaum buruh Cina dalam industri getah semakin bertambah dan nisbahnya meningkat jika dibandingkan dengan buruh-buruh India. Perkara ini sangat ketara di Perak pada zaman meleset, *"In Perak, the proportion of Chinese to other labourers on estate was as 1 to 11 in the middle of 1931 and as 1 to 7 in the middle of 1932."*⁵⁶

Sumber pekerjaan dalam industri getah tadi menggalakkan ramai buruh lombong melibatkan diri dalam industri tersebut. Ini telah mengurangkan masalah sosio-ekonomi mereka, di samping menjayakan mereka menempuh zaman meleset di negara ini.

⁵⁵Surat dari HC kepada Lord Passfield CO bertarikh 23hb. September 1930 yang dilampirkan No. 41 SCA 184-1930, Memorandum: *Unemployment amongst the Chinese labourers in the FMS*, oleh A.B. Jordon, bertarikh 17hb. September 1930, dalam CO 273/566-567. m.s. 4.

⁵⁶Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister, 8hb. Mei 1933, dilampirkan No. 32 MRCA April 1933 oleh A.B. Jordon, dalam CO 273/585. No. Fail 13008 Part II, m.s. 34.

Pihak akhbar Cina merupakan agen penting yang banyak mempengaruhi kaum buruh supaya jangan meninggalkan British Malaya. Berita-berita yang disiarkan berupa seruan dan nasihat, telah berjaya mempengaruhi sikap mereka. Akhbar Yik Khuan Poh yang bertarikh 10hb. Januari 1931 telah melaporkan tentang nasib kaum buruh Cina yang dihantarkan pulang ke China oleh kerajaan. *"According to the news from Hong Kong a number of unemployed Chinese who are obliged to return to China have been subject to much oppression. Bad characters have tried to recruit such able bodied labourers as soldiers, others representing themselves as employers of lodging-houses, have made a clean sweep of their belongings."*⁵⁷ Ini bermakna, nasib kaum buruh masih tidak terjamin walaupun mereka dihantar pulang ke negeri China. Peristiwa-peristiwa tadi merupakan suatu teladan kepada mereka sebelum keputusan dibuat untuk meninggalkan negara ini.

Akhbar Penang Sin Poe yang bertarikh 16hb. Januari 1931, memuatkan sebuah artikel yang bertajuk: *"The fundamental problem in the relief of the unemployment"*, telah membuat seruan seperti berikut, *"The writer asks the local Chinese not to return to China but to bear the present hardships so that the influence and status of Chinese in the South Seas may not be lost."*⁵⁸ Beberapa seruan dan nasihat dari pihak akhbar telah mempengaruhi sikap buruh berhubung dengan aspek repatriasi. Walaupun begitu, terdapat juga alasan lain yang menyebabkan ramai buruh Cina tidak mahu pulang.

Sikap kaum buruh Cina terhadap soal repatriasi adalah secara umumnya berbeza dari kebanyakan kaum buruh India. Perkara ini ternyata dalam petikan berikut: *"In the case of Indian labourers for whom there is no work they are promptly shipped back to their home, but Chinese though given the opportunity of repatriation, naturally prefer to take what chance they can in Malaya rather than face the rigours of the country which they left."*⁵⁹ Pernyataan ini juga menunjukkan sikap kerajaan yang 'pro' terhadap kaum buruh Cina, walaupun mereka menganggur kerajaan tidak menghantar mereka sewenangnyanya pulang seperti yang dilakukan ke atas buruh-buruh India.

Dasar Kerajaan terhadap Repatriasi

Dalam menghadapi masalah pengangguran yang diakibatkan oleh

⁵⁷Lihat No. 5 MRCA Januari 1931, dalam CO 273/571, m.s. 26.

⁵⁸Lihat No. 6 MRCA Februari 1931, dalam CO 273/571, m.s. 50.

⁵⁹The Straits Times, 29hb. Mei 1931, m.s. 10.

kemerosotan industri timah, kerajaan NNMB telah bertindak berdasarkan dua landasan utama terhadap kaum buruh Cina. Pertama, tindakan menghantar pulang golongan buruh yang lemah dan tidak mempunyai prospek pekerjaan lagi di negara ini dan tindakan kedua ialah dengan menyerap tenaga buruh Cina yang menganggur dalam berbagai projek pembangunan yang dijalankan. Di samping ini, terdapat beberapa langkah lain yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tindakan pertama tadi diambil atas pertimbangan untuk mengurangkan bebanan tanggungan kerajaan terhadap mereka. Ini adalah kerana golongan buruh Cina yang uzur dan mengharap bantuan kerajaan, tidak dapat merebut peluang pekerjaan yang telah diwujudkan pada zaman meleset. Jadi, kerajaan terpaksa menghantar mereka pulang ke negeri Cina. Golongan buruh ini yang disifatkan sebagai '*decrepit*' dan '*destitute*' telah dihantar dengan percuma oleh kerajaan. "*In general only labourers who were certified by government medical officer to be unfit for further labour in Malaya were repatriated,...*"⁶⁰

Di antara 1hb. Julai hingga 30hb. September 1930, sejumlah 1451 orang buruh '*decrepit*' telah dihantar pulang oleh kerajaan NNMB dan melibatkan kos perbelanjaan sebanyak \$24,665.39 sen. Dari jumlah tersebut seramai 826 orang buruh Cina adalah dari Perak dan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$16,714.97 sen.⁶¹ Dasar repatriasi golongan ini difikirkan paling ekonomik memandangkan kos purata perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan cuma \$17 setiap orang. Ini menjimatkan perbelanjaan kerajaan di samping membolehkan kerajaan memberi perhatian lebih kepada baki kaum buruh Cina yang menganggur di negara ini.

Dasar kerajaan terhadap golongan buruh Cina yang sihat dan berupaya adalah lebih positif, di mana mereka diserapkan dalam bidang pekerjaan Perkhidmatan Khas. Tetapi krisis kewangan yang dihadapi oleh kerajaan dan jumlah pengangguran semakin serius khususnya dalam tahun 1931 telah membantutkan usaha-usaha kerajaan bagi menyalurkan tenaga buruh yang menganggur dalam berbagai bidang pekerjaan tersebut. "*Building programmes and relief works instituted by Government cannot*

⁶⁰Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-Lister CO yang bertarikh 8hb. Mei 1933, dilampirkan No. 32, MRCA April 1933, oleh A.B. Jordon, No. fail 13008 Part II, dalam CO 273/585. m.s. 36.

⁶¹Surat dari *Officer Administering the Govt.* kepada Lord Passfield CO bertarikh 23hb. Oktober 1933, dilampirkan No. 4, Memorandum: *Unemployment amongst the Chinese labourers in the FMS*, oleh A.B. Jordon, dalam CO 273/566-567, m.s. 4.

possibly absorb the super abundance of labour resulting from trade stagnation.'⁶² Jadi, nampaknya kerajaan terpaksa mengubah dasarnya terhadap kaum buruh Cina yang produktif sekurang-kurangnya bagi mengatasi ancaman masalah pengangguran.

Keadaan pengangguran yang kritikal di negara ini dalam tahun 1931 telah menyebabkan kerajaan bertindak menghantar pulang buruh-buruh Cina yang berupaya dan yang mahu dihantar pulang. Jadual V menunjukkan jumlah kaum buruh yang dihantar pulang oleh kerajaan NNMB di antara tahun 1930 hingga 1932.

JADUAL V
REPATRIASI KAUM BURUH DARI NNMB 1930-1932

Tahun	Perak	Selangor	N.Sembilan	Pahang	Jumlah
1930	2,351	1,134	273	—	3,758
1931	20,683	9,024	969	1,048	31,724
1932	10,209	4,455	120	228	15,012
Jumlah	33,243	14,613	1,362	1,276	50,494

Sumber: No. 32, MCRA April 1933, dalam CO. 273/585. m.s. 36.

Dari jadual V didapati jumlah buruh yang teramai dihantar pulang dengan perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan ialah pada tahun 1931. Ini adalah dari tindakan kerajaan menghadkan pengeluaran bijih timah di negara ini. Hampir 50% dari jumlah buruh yang dihantar pulang adalah buruh-buruh yang mampu bekerja. Tindakan menghantar pulang 50,494 orang buruh di antara tahun 1930 hingga tahun 1932 telah melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak \$580,000 dan ini bermakna hitung panjang bagi setiap buruh ialah sebanyak \$11.60 sen.⁶³

Tindakan tersebut memperlihatkan suatu perubahan ketara dasar kerajaan terhadap buruh-buruh yang mampu bekerja. Ini bermakna kerajaan telah terpaksa mengabaikan dasarnya, yang mana cuma menghantar pulang kaum buruh lemah dan uzur. Perubahan dasar itu paling ketara dalam dua tempoh; dari bulan Ogos hingga bulan November 1931 dan mulai bulan Mei hingga bulan Julai 1932. Keadaan pengangguran yang ber-

⁶²Surat dari Gov. SS kepada CO bertarikh 29hb. Januari 1931, dilampirkan No. 5, 'Laporan daripada SCA FMS, oleh P.T. Allen yang bertarikh 8hb. Januari 1931 dalam CO 273/572-573, m.s. 3.

⁶³Surat dari Gov. SS kepada Sir Philip Cunliffe-lister CO yang bertarikh 8hb. Mei 1933, dilampirkan No. 32, MRCA April 1933, oleh A.B. Jordon, No. fail 13008 Part II dalam CO 273/585, m.s. 36.

tambah genting dalam kedua-dua tempoh masa tadi telah menyebabkan kerajaan bertindak segera. Tindakan kerajaan dianggap sangat sesuai bagi mengelak sebarang kemungkinan yang tidak diinginkan di samping mengawal keadaan pengangguran di negara ini.

Punca utama pengangguran adalah disebabkan tindakan kerajaan merendahkan lagi quota pengeluaran bijih timah. Kadar pengangguran yang tinggi terpaksa dikawal dengan menghantar pulang sahaja buruh-buruh yang menganggur. Aspek ini paling jelas di NNMB di mana ramai daripada kaum buruh Cina telah dihantar pulang pada tahun 1931. *"The number of Chinese repatriated at the charge of the FMS Government for the month of July was 1,490 for the month of August was 3,049 and for the month of September was 10,675 and of these 10,675 men repatriated during the month of September, no fewer than 8,777 men were fit unemployed."*⁶⁴ Jadi, adalah jelas bahawa pemotongan quota bijih timah pada bulan September 1931 sebanyak 60% telah memberi kesan buruk kepada kaum buruh.

Walaupun keadaan mendesak kerajaan bertindak demikian, soal kedudukan buruh di NNMB khususnya dan British Malaya amnya, masih tetap dipertimbangkan. *"The government at any rate never favoured large-scale repatriation for fear that when the economic condition improved, there would be an acute shortage of labour."*⁶⁵ Jika ini berlaku, tentu akan menjejaskan kedudukan kedua-dua industri utama di negara ini. Penawaran buruh-buruh yang terhad akan menyebabkan bayaran kadar upah meningkat dan ini akan menyulitkan industri timah dan getah yang mana amat bergantung pada tenaga buruh immigran.

⁶⁴Surat dari Gov. SS kepada Mr. James Henry Thomas CO tarikh 16hb. Oktober 1931, dilampirkan No. 2, Legislative Council bertarikh 12hb. Oktober 1931, dalam CO 273/571. m.s. 2.

⁶⁵*Op.cit.*, Khoo Kay Kim, m.s. 83.

Singakata Perkataan

CO	Pejabat Kolonial.
FMS	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
Gov	Gabenor.
Gov. SS	Gabenor Negeri-Negeri Selat.
HC	Persuruhjaya Tinggi.
HC FMS	Persuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
MRCA	<i>Monthly Review of Chinese Affairs.</i>
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
PAR	Laporan Tahunan Negeri Perak.
RKJ	Rumah Kebajikan Jelapang, Ipoh, Perak.
RKTR	Rumah Kebajikan Tanjung Rambutan, Perak.
RSKT	Rumah Sri Kenangan Taiping, Taiping Perak.
SCA	Setiausaha Hal Ehwal Cina.

LAMPIRAN A

Pengaruh Komunis di kalangan Buruh-Buruh Lombong

Perak

On 26th of July the Detective Branch raided the Headquarters of the Perak General Labour Union in Ipoh. Pamphlets issued in Chinese, Malay and Tamil in preparation for the 1st August were seized, together with other documents and the printing apparatus. The Secretary was arrested. In consequence of this raid there was an almost complete absence of propaganda on the 1st. There were no demonstrations. Documents found on this raid prove conclusively that the trouble on Tanjong Tin at Tanjong Tualang (Of Review XI pg. 39), was engineered by the Communists, and that Tanjong Tualang is the danger point of Communist agitation.

Notification No. 1 of the Perak Tin Mining Workers Union begins: "When this Union was first organised the name of the Tanjong Tualang Labour Union was for reasons of geographical environment temporarily used.... It is felt that the name is not appropriate, and the Perak General Labour Union has therefore sent representatives to reorganise it into the Perak Tin Mining Workers Union. The reason was that almost 80% of its members are tin mining workers, and that this industry is the most important. The present aim is to emancipate all the workers of this industry, etc."

Another document gives the demands of all workers on dredges:—

- 1. Oppose dredges stopping work, thereby increasing the hardships of labourers.*
- 2. Workers should be paid full wages for half time.*
- 3. Wages should be paid directly twice a month.*
- 4. Oppose the kepalas contracting for the supply of food.*
- 5. Workers must not be discharged without reason.*

In other circulars the demand is made that if the dredge stops working each man shall be given three months pay and maintenance after that period if work is not resumed. The hardships caused by the exploitation of the capitalists and by the rationalisation are enumerated. There is however no attempt to antagonise workers on other types of mines against the dredging companies.

Some extracts from the Malayan Workers Weekly may also be noted.

No.20-February 28, 1931-Charge of the Singapore Garrison.

Sumber: Surat dari Governor Straits Settlement kepada Mr. James Henry Thomas, Colonial Office, yang bertarikh 9hb. October 1931, dilampirkan No. (2), No. 12, MRCA August 1931, dalam CO 273/572, m.s. 33.

BIBLIOGRAFI

SUMBER AWALAN

Bahan-bahan yang diperolehi dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Perak Annual Report, 1929-1933.

Rekod-rekod dari CO 273, di antara tahun 1929-1933.

Rekod-rekod dari CO 717, di antara tahun 1930-1932.

The Straits Times, 1929-1933.

Temubual dengan bekas buruh lombong di Taiping, Tanjung Rambutan dan di Jelapang, Ipoh, Perak. Lihat lampiran A soalan temubual.

Bahan-bahan yang didapati Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Federated Malay States, Proceeding of the Federal Council, 1929-1930.

Straits Settlements, Proceeding of the Legislative Council, 1929-1931

RUJUKAN BAHAN TIDAK BERCETAK.

Francis Kok Wah Loh, "Beyond the tin mines, The Political economy of Chinese squatter farmers in the Kinta New Villages, Malaysia." *Ph.D thesis*, Cornell University, 1980.

RUJUKAN BAHAN SEKUNDER

Bahan-bahan rujukan ini terdapat di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Blythe W.L., *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya, A Historical Study*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969.

Campbell P.C., *Chinese Coolies Emigration to Countries Within the British Empire*, Frank Cass Co. Ltd., London, 1971.

Khoo Kay Kim, 'The Great Depression: The Malaysian Context,' *The History of South East, South and South East Asia*, ed. Khoo Kay Kim. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977.

Maday B.C., *Area Handbook for Malaysia and Singapore*. (Foreign Areas Studies Division, The American University, Washington DC 200) US Govt. Printing Office, Washington DC 20402, 1965.

Parmer J.N., *Colonial Labour and Administration Policy, A History of Labour in Rubber Plantation Industry in Malaya 1910-1941* J.J. Augustine Inc., New York, 1960.

Tate D.J.M., *The Making of Modern Southeast Asia: The Western Impact on Economic and Social Change*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979.

Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980.

Virginia Thompson, *Post Mortem On Malaya*, The MacMilan Co., New York, 1943.

Yit Yat Hong, *The Development of the tin mining Industry of Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969.

BAHAN-BAHAN DALAM MAJALAH

Blythe W.L., Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya, *JMBRAS*, Vol. XX., Part I. June 1947, Singapore, 1947.

Lee Kam Hing, A Socio-Economic History of Perak 1920-1939, dalam No. 6, *Joint Research Programme Series*, Institute of developing economies Tokyo, Japan.

Khoo Kay Kim. "The Tin Mining Industry" dalam *Kemajuan dan Pembangunan di Malaysia*,